

**KEMAHIRAN  
PEDAGOGI BAGI GURU PENDIDIKAN ISLAM (PENDIDIKAN KHAS)  
DALAM PENGAJARAN AL-QURAN BRAILLE**

**Norhasnira Ibrahim**

*Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*

***norhasnira@usim.edu.my***

**Abstrak:** Pengajaran Al-Quran Braille merupakan salah satu daripada elemen utama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi subjek Pendidikan Islam (PI) di sekolah-sekolah seluruh Malaysia yang terdapat Program Pendidikan Khas khususnya bagi murid berkeperluan khas masalah penglihatan (MBK MaL). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan sebelum ini, didapati bahawa terdapat beberapa isu berkaitan pengajaran al-Quran Braille seperti GPI PK yang masih belum mahir, bahkan ada di antara mereka yang langsung tidak mengetahui kod Braille al-Quran dan sebagainya. Oleh itu, objektif kertas kerja ini adalah untuk mengkaji tentang isu berkaitan GPI PK dalam pengajaran al-Quran Braille dan untuk mendedahkan para GPI PK tentang kemahiran pedagogi yang diperlukan oleh mereka sebagai persiapan diri sebelum mulakan pengajaran Al-Quran Braille. Metodologi bagi kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu dengan mengaplikasikan metod penentuan subjek dan pengumpulan data yang diperolehi daripada buku, kertas kerja, laman sesawang serta laporan-laporan hasil penyelidikan yang terdahulu. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak 13 kemahiran yang perlu diketahui, dikuasai dan dipraktikkan oleh para GPI PK untuk menjayakan pengajaran al-Quran Braille khususnya kepada MBK MaL.

**Kata kunci:** Pedagogi, Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas, al- Quran Braille.

#### **PENDAHULUAN**

Pengajaran al-Quran tidak hanya terbatas kepada pengajaran al-Quran dalam bentuk mushaf al-Quran sahaja, bahkan ia juga boleh diperluaskan dalam bentuk pengajaran dalam talian, CD interaktif dan juga dalam bentuk titik-titik Braille. Dewasa ini, pengajaran al-Quran Braille mula diberikan perhatian dan dilaksanakan secara meluas dalam kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) Masalah Penglihatan tanpa mengira usia sama ada dewasa maupun kanak-kanak. Di peringkat sekolah, para murid berkeperluan khas masalah penglihatan (MBK MaL) diberikan dorongan dan didikan daripada para guru agar dapat mengenal dan membaca al-Quran Braille. Peluang mereka untuk mempelajari al-Quran Braille mulai terbuka luas dengan adanya beberapa kemudahan seperti al-Quran Braille dan juga buku Iqra' versi Braille di samping peralatan pembelajaran Braille yang telah dihasilkan oleh para penyelidik masa kini.

#### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Merujuk kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan, hak golongan MBK khususnya kanak-kanak yang

mengalami masalah penglihatan untuk menyertai sesuatu pendidikan formal di Malaysia tidak pernah diabaikan. Selari dengan golongan murid tipikal arus perdana, MBK MaL juga terlibat dengan kurikulum dan penilaian yang sama dengan murid normal di sekolah biasa termasuk dalam mempelajari al-Quran. Ia merupakan salah satu daripada komponen dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang menumpukan aspek kemahiran dan penguasaan membaca, memahami dan menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan fasih berserta mengikut hukum tajwid yang betul (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM). Senario pendidikan agama dalam kalangan OKU dilihat sebagai isu yang agak kritikal di mana beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai kelompongan yang wajar diberi perhatian serius oleh pelbagai pihak. Selain daripada isu polisi, dasar, kesedaran ibu bapa yang mempunyai anak istimewa, kesedaran masyarakat dan pihak-pihak berwajib, isu berkaitan tenaga pengajar guru yang merupakan pelaku dan pendidik dalam memastikan keberlangsungan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran Braille telah menjadi agenda utama perbahasan. Ini menjadikan

tugas guru secara umumnya dan GPI PK khususnya menjadi semakin berat (Ab. Halim Tamuri, 2010). Peranan mereka bukan sahaja sebagai penyampai silibus pembelajaran yang terdapat di dalam buku teks bahkan juga sebagai ejen pendidik akhlak murid.

## **KAJIAN LITERATUR**

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, terdapat beberapa isu yang menyentuh tentang GPI PK. Di antaranya ialah mengenai kekurangan guru al-Quran Braille (Harian Metro 28 Jun 2016; Ahmad Yunus Mohd Noor, 2016; Hajarul Bahti et.al, 2014), GPI PK tidak mengetahui kod Braille al-Quran (Hajarul Bahti Zakaria, 2010), tidak kuasai al-Quran Braille (Norakyairee et.al, 2013), tiada pendedahan tentang pengajaran al-Quran Braille sama ada semasa latihan perguruan, kursus atau bengkel kemahiran yang berkaitan dengan al-Quran Braille (Norhasnira Ibrahim et.al, 2015), kurang kuasai pedagogi (Hamdi bin Ishak et.al, 2012) dan tiada pengetahuan tentang ciri keperluan khas para murid (Hajarul Bahti 2010, Norakyairee et.al, 2013). Oleh itu, kajian ini akan menyenaraikan beberapa elemen penting dan kemahiran yang diperlukan oleh para GPI PK dalam proses PdP al-Quran Braille.

### **Kemahiran Pedagogi Bagi GPI PK Dalam Pengajaran Al-Quran Braille**

Sebelum memulakan pengajaran secara praktikal di sekolah-sekolah, bakal guru telahpun dibekalkan dengan ilmu-ilmu pendidikan, contohnya seperti ilmu Pedagogi. Ia merupakan satu ilmu pengetahuan penting yang wajib dipelajari, difahami, dikuasai dan dipraktikkan oleh para guru. Pedagogi berasal daripada perkataan Yunani iaitu *pädagogia* yang bermaksud pergaulan dengan anak-anak. *Paida* ertinya anak dan *agogos* ialah memimpin atau membimbang, seterusnya lahirlah istilah ‘Pedagogi’ iaitu kaedah dalam mengajar kanak-kanak. Terdapat pelbagai definisi tentang pedagogi, di antaranya ialah seperti yang dinyatakan oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan iaitu seperti Cruickshak (1975), pedagogi ialah seni dan sains pengajaran yang meliputi prinsip, strategi, kaedah, teknik dan pelbagai pertimbangan untuk menjayakan sesuatu pengajaran. Shafritz (1997) mendefinisikan pedagogi sebagai prinsip dan kaedah pengajaran, Shafiah Alwiya (1996) berpendapat bahawa ia adalah ilmu yang menerangkan tentang kaedah pengajaran.

Manakala dalam laporan *National Board for Professional Teaching Standards* (1998) mendefinisikan pedagogi sebagai kemahiran mengajar yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan pengetahuan yang khusus dalam sesuatu bidang (<https://ms.wikipedia.org>, 20 April 2017). Sementara itu, Kamus Dewan edisi keempat

mendefinisikan pedagogi sebagai satu kajian dan kaedah tentang prinsip pengajaran (<http://prpm.dbp.gov.my>). Berdasarkan takrifantakrifan yang telah dinyatakan,uraian tentang ilmu pedagogi adalah sangat luas dan mendalam. Ia sebenarnya melibatkan pelbagai kajian yang merangkumi:

- i. Proses PdP: konsep, teori pembelajaran, model pengajaran, strategi PdP, pendekatan, gaya, kaedah, teknik pengajaran, pengujian, pengukuran dan juga penilaian pengajaran.
- ii. Pengurusan bilik darjah: rutin bilik darjah, peralatan, kemudahan fizikal, pelaksanaan aktiviti, pendisiplinan murid, pengurusan masa, pengelolaan ujian, aktiviti pemulihan, pengayaan dan juga perekodan murid.
- iii. Organisasi sekolah: kurikulum, kokurikulum ataupun hal ehwal murid.
- iv. Interaksi guru-pelajar: perlakuan mengajar, kemahiran komunikasi. (Mok Soon Sang, 2006).

### **DAPATAN KAJIAN**

Kertas kerja ini merupakan hasil daripada analisis dapatan kajian-kajian terdahulu yang dikumpulkan sejak sepuluh tahun yang terkini. Isu-isu yang ditumpukan terhadap GPI PK akan disenaraikan dan diikuti dengan beberapa cadangan penyelesaian masalah. Bagi menjawab objektif kajian yang pertama, disini penyelidik telah mengenalpasti sebanyak tujuh isu yang ditumpukan terhadap GPI PK al-Quran Braille. Berikut ialah senarai isu tersebut yang telah diperolehi daripada penulisan yang terdahulu daripada buku, kertas kerja, artikel jurnal, hasil penyelidikan dan akhbar, iaitu:


- i. Kekurangan guru al-Quran Braille
- ii. Guru tiada asas kod Braille
- iii. Guru tidak mahir dan tidak kuasai al-Quran Braille
- iv. Guru kurang kuasai ilmu Pedagogi
- v. Guru tiada pengetahuan tentang ciri keperluan khas para murid
- vi. Bahan bantu mengajar al-Quran Braille yang terhad

Setiap guru memikul tanggungjawab dan memainkan peranan yang besar dalam mendidik, mengajar dan membentuk anak didik menjadi insan yang berguna. Setiap guru perlu mempunyai ciri-ciri dan keperibadian yang mulia. Kerjaya sebagai guru bertambah mencabar pada ketika ini, sama ada di sekolah rendah maupun menengah. Tugas dan tanggungjawab guru telah mengalami perubahan drastik sejajar dengan keperluan dan peredaran masa kini yang menuntut para guru agar

lebih proaktif dalam pelaksanaan sistem PdP. Maka tidak hairanlah sekiranya terdapat pelbagai isu yang diajukan kepada para guru sepanjang berlangsungnya proses PdP.

Sebagai seorang guru, adalah wajar untuk menerima perkara tersebut dengan hati yang terbuka walaupun pada hakikatnya bukanlah mudah untuk menangani dan menyelesaiannya dalam tempoh jangka masa yang singkat. Oleh itu, para guru mestilah berusaha dalam mempersiapkan

diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran, kepakaran dan bergerak seiring dengan perkembangan semasa. Merujuk kepada jadual 1.1, disini penulis menggariskan beberapa cadangan bagi penyelesaian masalah tersebut dengan merujuk kepada Standard Guru Malaysia (<http://www.moe.gov.my>) sebagai dasar utama dalam usaha merungkaikan isu-isu yang telah dinyatakan sebelum ini.



Rajah 1.1: Komponen Standard Guru Malaysia (SGM)

Tiga komponen standard dalam SGM yang difokuskan di sini ialah Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan, Pengetahuan dan Kefahaman serta Kemahiran PdP.

### **Standard 1: Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan.**

Standard ini memperincikan kompetensi amalan nilai profesionalisme keguruan berdasarkan tiga dominan utama iaitu domain diri, profesi dan sosial yang perlu ada pada seseorang guru. Perkara utama yang ditekankan oleh ketiga-tiga domain tersebut ialah mengenai pegangan nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri guru iaitu ikhlas, amanah, berilmu, sabar, bertimbang rasa, berintegriti, adil, berdaya saing, cergas, efisien, kreatif dan inovatif, memiliki kemahiran interpersonal dan intrapersonal dan sebagainya. Guru juga berperanan sebagai agen sosialisasi dan penjana modal insan dalam masyarakat. Adalah penting agar para guru memiliki kemahiran bersosial, semangat bermasyarakat dan patriotism. Dengan melibatkan diri dalam masyarakat, maka sudah pasti guru akan rasa lebih menyayangi anak didik sama seperti anak sendiri dan akan bersungguh-sungguh mendidik mereka agar menjadi pewaris bagi mentadbir negara pada kemudian hari.

- i. Melengkapkan Diri Dengan Nilai-Nilai Murni Profesi perguruan adalah satu bidang pekerjaan yang mulia dan disanjung tinggi oleh segenap lapisan masyarakat, terutamanya jika seseorang guru itu terlibat dalam pengajaran al-Quran al-Karim. Sebagai GPI, nilai-nilai murni seperti sikap ikhlas, amanah, sabar dan yang seumpamanya mestilah disebatkan dalam diri masing-masing. Dengan memiliki sifat, ciri dan nilai yang murni maka seorang guru dapat menjalankan tugasnya dengan baik, berketrampilan dan berkemampuan dalam menanggung beban tugasnya. Adalah penting agar kita menyedari bahawa kerjaya yang sedang dilakukan sekarang ini adalah satu bentuk amalan kebajikan yang tidak ternilai ganjarannya di dunia dan juga akhirat. Terdapat banyak kelebihan dan ganjaran pahala yang telah dijanjikan oleh Allah SWT bagi guru al-Quran sama ada di dunia maupun akhirat. Firman Nya dalam surah al-Fatir ayat 29-30:

إِنَّ الَّذِينَ يَتَّلُوُنَ كِتَابَ اللَّهِ وَقَاتَمُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِثْمَانَ رِزْقَنَهُمْ سِرًا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ بِخَدَّرَةَ لَنْ تَبُورَ لِيُوفِيهِمْ أَجُورُهُمْ وَيُزِيدُهُمْ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّمَا عَفْوُرٌ  
شَكُورٌ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan mengerjakan solat dan menafakahkan sebahagian daripada rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan rugi, agar Allah menyempurnakan pahala kepada mereka dan menambahkan kurniaaanNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri".*

Sementara itu dalam hadis pula Rasulullah SAW bersabda: "خِيرُكُمْ مَنْ تَطَّلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ"

Maksudnya: "Sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya." (Hadith riwayat al-Bukhari)

#### ii. Memupuk Minat Dan Kecintaan Terhadap Profesion

Dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik, selain daripada nilai-nilai murni yang telah dinyatakan sebelum ini, guru juga mesti mempunyai rasa kecintaan terhadap profesion ini tanpa wujudnya rasa terpaksa ataupun sekadar memilih profesion ini kerana ingin mendapatkan pekerjaan semata-mata (<http://www.freemalaysiatoday>). Minat terhadap kerjaya boleh dipupuk dan semangat untuk menyampaikan ilmu perlu dititikberatkan kerana ia dapat membantu para guru dalam melaksanakan tugas ini dengan lebih bertanggungjawab.

Isu kekurangan guru dalam bidang PK telah berlaku sejak sekian lama. Hasil tulisan seorang guru PK menyatakan bahawa suatu masa dulu isu kekurangan guru dalam Pendidikan Khas begitu ketara sekali sehingga Jabatan Pelajaran di ketika itu membuka iklan secara terbuka kepada sesiapa yang berminat untuk mengajar kelas PK, malangnya sambutan yang diterima sangat mengecewakan. Guru-guru yang dihantar ke kelas PK ketika itu adalah guru yang bermasalah kesihatan, disiplin dan dianggap tidak berguna dalam aliran perdana. Ia meninggalkan kesan dan pandangan yang negatif terhadap pelaksanaan program PK (<http://cikgusuepkhas.blogspot.com>). Menurut K.A. Razhiyah (2010), terdapat juga sebahagian daripada guru menawarkan diri untuk mengajar kelas PK bukan kerana minat tetapi kerana ingin mlarikan diri daripada beban tugas

di aliran perdana. Di samping itu, keadaan terpaksa mengajar kerana tiada pekerjaan, sindrom balik kampung, tiada opsyen lain, ingin memperolehi elauan tambahan, tidak boleh memberikan komitmen sepenuhnya dan gagal mengajar dengan baik adalah antara yang menjadi masalah utama dalam PK. Kurangnya kesedaran dan rasa tanggungjawab di dalam diri guru menyebabkan proses PdP tidak berkesan dan ada sebahagiannya merasa tidak selesa bersama dengan MBK. Ini adalah perkara yang amat tidak wajar kerana tanpa sedar murid-murid telah menjadi mangsa dan tidak mendapat hak mereka dalam mendapatkan ilmu pengetahuan dan ia sama sekali bertentangan dengan kehendak dan keperluan MBK.

#### Standard 2: Pengetahuan dan Kefahaman.

Berdasarkan standard ini, setiap guru mesti mempunyai kompetensi ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang subjek pengkhususan, ilmu pendidikan, kurikulum, kokurikulum, kaedah pentaksiran dan penilaian, penyelidikan tindakan untuk menambahbaik amalan PdP dan juga potensi murid. Merujuk kepada penyelidikan oleh (Hajarul Bahti Zakaria et.al, 2010) dan (Norakyariee Mohd Raus et.al, 2013), mendapati bahawa terdapat GPI yang tidak pernah mengikuti latihan perguruan pengkhususan dalam bidang PK. Di samping itu terdapat hasil kajian mengenai murid bermasalah pendengaran (Hamdi bin Ishak et.al, 2012) yang merumuskan bahawa peserta kajian yang terdiri daripada GPI yang berlatar belakangkan GPI untuk pelajar tipikal menghadapi masalah dalam aspek pedagogi, pengetahuan dan kemahiran berkaitan keperluan kanak-kanak bermasalah pendengaran. Hamdi (2012) juga menyatakan bahawa GPI perlu menguasai pengetahuan dalam Pendidikan Islam. Berikut ialah di antara ilmu pengetahuan dan keperluan ilmiah yang perlu dikuasai oleh GPI PK iaitu:

##### i. Pendidikan Islam dan al-Quran

Bagi setiap guru yang ingin mengajar al-Quran, pengetahuan tentang cabang-cabang ilmu yang umum dalam agama Islam mestilah difahami dan dipelajari dengan baik seperti ilmu al-Quran, hadith, Aqidah, Fiqh, Akhlak, Sirah dan juga Tasawwuf. Manakala bagi ilmu-ilmu pengkhususan dalam al-Quran, hendaklah menguasai bahasa Arab, ilmu tajwid, tafsir, qiraat, waqaf ibtida'dan juga rasm al-Quran (Adel M. Abdulaziz, 2006). Setiap guru perlulah mendalami ilmu al-Quran dengan sebaik mungkin dan memperelokkan bacaan supaya dapat diajar kepada pelajar dengan bacaan yang baik dan betul (Ahmad Yunus Mohd Noor, 2016) dan mempunyai kefahaman tentang isi ayat-ayat al-Quran yang diajar.

## ii. Latar Belakang Program Sekolah PK

Sebagai GPI yang akan berhadapan dengan para murid berkeperluan khas, maka sudah menjadi satu kemestian untuk mengetahui, memahami dan mendalami apakah yang dimaksudkan dengan Pendidikan Khas itu sendiri. Bagi guru yang terlatih dalam bidang PK, ini tidak menjadi masalah bagi mereka, namun terdapat kes di kalangan GPI yang tiada pendedahan tentang PK namun ditempatkan dan ditugaskan untuk mengajar murid dalam kalangan MBK MaL. Hajarul Bahti Zakaria et.al (2010) menyatakan GPI tidak mempunyai kemahiran pedagogi untuk pelajar khas, dan guru PK tidak mempunyai asas pengetahuan tentang PI yang sebenar. Ini bertepatan dengan kajian Mohd Mokhtar Tahar dan Aliza Alias (2004) yang mendapati bahawa 34.7% guru PK mempunyai pengetahuan tentang

strategi pengajaran untuk pelajar khas dan 17.4% mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang agama.

GPI perlu mengetahui tentang Program PK yang terdapat di Malaysia, mengetahui dengan lebih jelas tentang konsep serta jenis program tersebut dan seterusnya mengenali sekolah-sekolah yang telah ditubuhkan di Malaysia. Program Sekolah PK merupakan satu program pendidikan yang telah diatur khusus untuk MBK MaL dan pendengaran. Ia ditadbir sepenuhnya oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Program yang disediakan termasuklah program pendidikan prasekolah, pelajaran rendah, pelajaran menengah, dan pelajaran teknik/vokasional. Terdapat beberapa program yang telah disediakan oleh Bahagian Pendidikan Khas untuk MBK ini. Antaranya ialah:



Rajah 1.2 - Program Pendidikan Khas (PK) di Malaysia

## iii. Pengetahuan tentang ciri-ciri keperluan khas murid

Salah satu daripada hasil dapatan Hamdi (2012) dalam kajiannya terhadap amalan PdP Pendidikan Islam di SK PK (Masalah Pendengaran) ialah GPI menghadapi masalah dalam aspek pengetahuan teoritikal berkaitan psikologi audiologi kanak-

kanak bermasalah pendengaran. Merujuk kepada isu tersebut yang boleh dijadikan sebagai panduan bagi GPI PK MaL, maka guru perlu mengetahui beberapa perkara mengenai cacat penglihatan, seperti:

Kategori masalah penglihatan	Jenis-jenis cacat penglihatan	Faktor penyebab cacat penglihatan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Langsung tidak dapat melihat</li> <li>• Kebolehan melihat tidak melebihi 6/60 atau 20/200 (dengan ujian Snellen)</li> <li>• Penglihatan terhad iaitu kurang daripada 20%.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rabun jauh</li> <li>• Rabun dekat</li> <li>• Rabun silau</li> <li>• Rabun warna</li> <li>• Diplopia</li> <li>• Strabismus</li> <li>• Glaucoma</li> <li>• Amblipia</li> <li>• Albanisme</li> <li>• Katarak (Zalizan Mohd Jelas, 2009)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Faktor baka/keturunan</li> <li>• Janin semasa kehamilan/selepas kelahiran</li> <li>• Jangkitan kuman atau virus</li> <li>• Kesan ubat/bahan kimia</li> <li>• Kemalangan</li> <li>• Penyakit kencing manis</li> <li>• Pertambahan usia (Serge Resnikoff et.al, 2004).</li> </ul>

Rajah 1.3-Masalah penglihatan dalam kalangan MBK MaL

Sebagai persediaan untuk mengajar murid yang istimewa, maka GPI PK mestilah mengenal latar belakang serta keperibadian murid. Dengan itu, guru akan dapat mengenalpasti ciri-ciri keperluan khas murid yang terlibat. Guru perlu melakukan pentaksiran keupayaan bagi mengenalpasti keupayaan visual setiap murid. Ia boleh dilakukan dengan merujuk kepada laporan kesihatan, laporan pendidikan, pemerhatian dalam kelas, komunikasi bersama murid dan ahli keluarga terdekat dan juga ujian pengesanan visual secara formal. Ini adalah penting kerana keupayaan motor seseorang kanak-kanak akan mempengaruhi perkembangan kognitif mereka (Jan et.al. 1977), Lowenfeld (1984), Best (1992). Selain itu, murid yang mengalami masalah penglihatan sejak lahir juga turut mempunyai persepsi yang berbeza tentang persekitaran mereka (Gargiulo, 2008; Heward, 2006).

Mengenalpasti tahap kecacatan murid, maka guru boleh mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan antara murid yang rabun dan yang buta sepenuhnya. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh (Khadijah Abdul Razak et al, 2002), hanya 42% sahaja murid mencapai tahap sederhana fasih semasa pembacaan al-Quran dalam kalangan MBK MaL. Rumusan kajiannya mendapati bahawa murid yang rabun mempunyai tahap yang rendah dalam menguasai al-Quran kerana mereka sukar mengenal huruf-huruf hijaiyyah jawi dan Arab apabila bersambung. Seterusnya, ini menyebabkan mereka hilang minat untuk mempelajari al-Quran dan tajwid.

- iv. Kod Braille (Rumi, Nombor, Jawi Braille)  
Isu guru tidak mempunyai kemahiran menggunakan kod Braille merupakan salah satu daripada faktor guru tidak dapat merancang dan melaksanakan PdP bagi MBK MaL dengan lebih

berkesan. (Norhsnira Ibrahim et.al.2015, Tengku Intan Zarina Tengku Puji et.al.2015). Kod Braille telah digunakan dalam pembelajaran sistem pendidikan khas di Malaysia bagi membantu dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran MBK MaL. Adalah menjadi satu kemestian bagi para GPI PK terlebih dahulu mempelajari ilmu tentang kod-kod Braille sebelum bermulanya PdP. Ia hendaklah dimulai dengan huruf rumi Braille, nombor, Jawi Braille dan diikuti dengan al-Quran Braille. Guru perlu memahami dan mempunyai kemahiran dalam menguasai kod-kod Braille tersebut agar tiada sebarang kekeliruan pada kodnya memandangkan setiap huruf tersebut mempunyai kod-kod Braille yang tersendiri. (Mohd Nur Adzam Rasdi et. al.,2012).

Terdapat lima perbezaan antara tulisan huruf Jawi biasa dan Jawi Braille, iaitu bentuk unsur asas huruf, perubahan bentuk apabila disambung, susunan huruf tunggal dan bersambung, kelompok huruf (huruf perangkai, pemutus, berumah, penghujung) dan kaedah penulisan (dari kanan-kiri-kanan). Sementara itu, huruf Jawi Braille juga turut mempunyai perbezaan dengan huruf al-Quran Braille. Tulisan huruf jawi Braille terdapat huruf-huruf tambahan yang tidak digunakan dalam al-Quran Braille kerana ia digunakan lebih kepada bahan bacaan dalam bidang agama dalam bahasa Melayu. Manakala al-Quran Braille pula menggunakan bahasa Arab dan khusus untuk mushaf al-Quran sahaja. Tanda baris dan bacaan jawi biasa mempunyai kod braille vokal, dan al-Quran Braille pula menggunakan baris. Bagi kaedah penyusunan pula, huruf jawi braille menggunakan satu huruf satu kod Braille tanpa diselangi oleh baris, manakala dalam al-Quran Braille, susunan huruf akan diikuti dengan tanda baris dan disusun dalam baris yang sama. (Fatimah Nazihah et.al.2016).

v. al-Quran Braille

Memetik kenyataan daripada akhbar Harian Metro, 28 Jun 2016 En. Zamzuri Ghani iaitu Naib Yang Dipertua Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) menyatakan bahawa isu kekurangan guru mengajar al-Quran Braille menyukarkan proses PdP bagi golongan cacat penglihatan. Permintaan untuk mempelajari al-Quran Braille daripada golongan tersebut semakin meningkat namun pihak PERTIS masih belum dapat memenuhi lagi (<http://www.hmetro.com.my>). Sementara itu, tenaga pengajar al-Quran Braille di kompleks *Malaysian Association for the Blind* (MAB), Brickfields Kuala Lumpur juga tidak mencukupi. Dua orang guru terpaksa mengajar 35 orang pelajar dan bilangan pelajar yang ramai dalam kelas menyukarkan guru untuk memberi perhatian yang lebih efektif dan baik (Ahmad Yunus Mohd Noor, 2016). Kekurangan guru juga merupakan salah satu daripada faktor yang menyebabkan pelajar dan murid menjadi tidak berminat untuk belajar al-Quran Braille (Hajarul Bahti Zakaria, 2014). Kekurangan guru al-Quran Braille ini sebenarnya amat berkaitrapat dengan kekurangan ilmu dan kemahiran mengenai kod Braille al-Quran. Hajarul Bahti Zakaria et.al. (2010); Norakyairee Mohd Raus (2013) dan Norhasnira Ibrahim et.al (2015) mendapati bahawa isu guru tidak mahir kod Braille al-Quran berpunca daripada latihan perguruan iaitu GPI tiada pendedahan terhadap PK.

Oleh itu, para guru perlu mengetahui tentang al-Quran Braille itu sendiri. Walaupun tidak pernah mendapat latihan khusus mengenai PK ataupun al-Quran Braille, guru perlu bijak mengambil inisiatif untuk mempelajarinya sendiri sekiranya ditempat di sekolah-sekolah PK. Adalah penting agar ilmu ini diketahui kerana terdapat perbezaan antara al-Quran cetakan biasa dan Braille. Kedua-duanya mempunyai ciri yang tersendiri dari sudut penyusunan jilid, susun atur penulisan dan format penulisan. Selain itu, naskhah al-Quran Braille yang diterbitkan juga adalah berbeza mengikut negara masing-masing seperti Malaysia, Afrika, Turki dan sebagainya. Penulisan ayat Al-Quran Braille bermula dari sebelah kiri ke sebelah kanan dan ianya amat berbeza dengan penulisan Arab biasa yang bermula dari sebelah kanan ke sebelah kiri. Selain daripada itu, penulisan tanda baris al-Quran Braille juga berbeza, iaitu terletak di sebelah huruf al-Quran sedangkan bagi al-Quran biasa, tanda baris diletakkan di atas atau bawah huruf tersebut. Guru juga perlu mengetahui ciri-ciri perbezaan yang pada penentuan tempat-tempat dan tanda-tanda waqaf yang terdapat di dalam mushaf Al-Quran Braille PERTIS dan mushaf al-Quran terbitan yang lain (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2014).

vi. Kod Braille Wasilah Bacaan al-Quran

Selain daripada itu, maklumat asas mengenai Kod Braille Wasilah Bacaan al-Quran juga perlu dimaklumi oleh para guru. Ia adalah satu sistem penulisan dimana kalimah-kalimah al-Quran ditulis dengan cara meringkaskannya. Berdasarkan kod wasilah ini, huruf dan baris tidak ditulis secara berasingan, tetapi disatukan menerusi tandatanda khas (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2014). Kod Braille Wasilah ini juga dikenali sebagai penulisan Braille al-Quran Gred 2. Walaubagaimanapun, terdapat kekangan dalam penggunaannya kerana ia sukar dikuasai oleh MBK MaL berbanding al-Quran Braille terbitan PERTIS Gred 1. Tambahan pula, GPI menggunakan al-Quran Braille Gred 1 sepanjang proses PdP yang sedia ada (Norakyairee et.al, 2013; Noornajihan & Kauthar, 2008).

**Standard 3: Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran**

Standard ini memfokuskan kepada kompetensi dan kebolehan guru untuk membuat perancangan, pelaksanaan dan penilaian PdP akademik dan kokurikulum. Empat kemahiran yang perlu ada pada setiap guru ialah kemahiran menyediakan perancangan PdP, melaksanakan PdP, memantau dan menilai keberkesanan PdP serta menguruskan bilik darjah.

i. Melaksanakan PdP mengikut aras dan keperluan murid

Dalam proses mendidik dan mengajar MBK MaL, guru akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan permasalahan yang pastinya berbeza daripada golongan murid sempurna. Walaupun kemampuan fizikal dan kognitif mereka agak terbatas, namun setiap anak istimewa ini mempunyai potensi unik yang perlu dikembangkan semaksima mungkin. Guru mestilah mempunyai kemahiran mengajar yang sesuai dengan keperluan pembelajaran murid mengikut kategori (Wood J.W, 2002). Sepanjang proses PdP al-Quran Braille, guru mesti mengambil kira perbezaan tahap cacat penglihatan setiap murid dan menggunakan kaedah yang berbeza mengikut tahap kerabunan atau buta. Kajian oleh (Hajarul Bahti Zakaria et.al, 2010; Norakyairee et.al, 2013; Ahmad Yunus Mohd Noor, 2016) mendapati bahawa ramai MBK MaL menghadapi kesukaran dalam pembelajaran al-Quran Braille kerana tidak menguasai huruf Jawi Braille, huruf hijaiyyah Braille dan tiada asas kod al-Quran Braille yang kukuh. Ini telah merencatkan kelancaran proses PdP dalam kelas dan dengan ini guru perlu mengajar mereka bermula seawal peringkat mengenal huruf tunggal al-Quran Braille.

Di MAB Brickfields, Kuala Lumpur Ahmad Yunus Mohd Noor (2016) mendapati bahawa salah satu daripada cabaran dalam pembelajaran al-

Quran Braille ialah masalah kekurangan sensitiviti jari di kalangan para pelajar di situ. Oleh itu, guru perlu memperkenalkan alatan-alatan tertentu sebelum murid diajar membaca dan menulis. MBK MaL bergantung sepenuhnya kepada deria sensitiviti jari dan tanpanya, mereka tidak akan dapat membaca al-Quran Braille. Menurut Sari RUDIYATI (2010), jari jemari murid perlu dilatih contohnya dengan menyentuh potongan kain sutera, kapas, kertas yang berbeza teksturnya, berbeza tebal nipisnya, biji-bijian dan sebagainya yang boleh dimanfaatkan untuk merangsang kepekaan deria sentuhan mereka. Hasilnya, murid dapat mengoptimumkan kebolehan dan pengalaman pembelajaran visual mereka melalui media pembelajaran lain seperti pendengaran dan sentuhan (Norshidah& Khalim, 2010).

Pemilihan gaya pengajaran yang bersesuaian dengan murid akan membantu mereka agar dapat membaca dan menulis Braille untuk memperolehi kecekapan dalam mengakses informasi dan berkomunikasi dengan orang lain. Dan setelah kod-kod Braille al-Quran dapat difahami dan dihafal dengan baik, maka proses PdP akan menjadi lebih cepat dan mudah.

ii. Mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik PdP

Di antara komponen yang perlu diketahui oleh guru dalam proses PdP ialah konsep PdP, teori pembelajaran, model-model pengajaran, strategi PdP, pendekatan, gaya, kaedah dan juga teknik pengajaran (Mok Soon Sang, 2006). GPI PK perlu banyak bersabar dan kreatif dalam pelaksanaan PdP memandangkan masa yang diperlukan untuk MBK MaL agak lama berbanding murid tipikal yang lain. Semasa berlangsungnya PdP al-Quran Braille, guru mestilah mengasingkan murid buta daripada yang rabun kerana kaedah untuk mengajar mereka adalah berbeza. Murid yang buta memerlukan al-Quran Braille sepenuhnya untuk belajar, manakala yang rabun pula ada yang menggunakan kanta pembesar dan ada yang tidak memerlukannya. PdP tidak boleh diadakan serentak dengan menggunakan pendekatan yang sama. Oleh itu, guru perlu mengasingkan mereka dan menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik yang berbeza.

Terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran al-Quran Braille. Ahmad Yunus Mohd Noor (2016) mendapati kaedah yang digunakan di MAB Brickfields, Kuala Lumpur ialah *talaqqi musyafahah*, guru mendengar bacaan murid, latih tubi sebutan huruf serta pembetulan makhraj huruf dan tajwid. Di Indonesia pula, kaedah ceramah dan soal jawab dilakukan secara serentak dengan metod demonstrasi dalam proses PdP bagi MBK MaL (Sari RUDIYATI, 2010). Sementara itu, Rumiza Abdul Rahman (2010) merumuskan dalam

kajiannya, antara kaedah pengajaran yang digunakan di PERTIS Kuala Lumpur dan Seberang Takir Kuala Terengganu ialah *talaqqi musyafahah*, latih tubi, soal jawab, bercerita, penerangan, perbincangan dan juga hafazan (Rumiza Abdul Rahman, 2010).

iii. Mahir menggunakan bahan bantu mengajar (BBM)  
 BBM adalah salah satu cara untuk mempelbagaikan teknik pengajaran di samping merangsang deria murid agar dapat menerima pelajaran dengan lebih mudah. Dengan adanya BBM, murid berpeluang untuk menggunakan pelbagai deria iaitu penglihatan, sentuhan dan juga pendengaran (Ahmad Mohd Salleh, 1997). Bahkan, keberkesanannya sesuatu BBM adalah ditentukan oleh kualiti dan teknik penggunaannya dalam bilik darjah. Antara cabaran yang dihadapi oleh GPI PK dalam pengajaran al-Quran Braille ialah isu kekurangan BBM dan bahan rujukan Braille (Tengku Intan Zarina Tengku Puji et.al, 2015) dan PdP hanya tertumpu kepada penggunaan al-Quran Braille dan mesin Perkins Brailler sahaja (Norakyairee et.al, 2013). Walaupun keadaan ini menyukarkan guru dan murid untuk melaksanakan PdP dengan berkesan, namun GPI PK perlu lebih proaktif, kreatif dan inovatif dalam usaha melengkapkan diri dengan kemahiran BBM yang agak terhad dan terbatas penggunaannya. Sari RUDIYATI (2010) menyarankan agar guru memodifikasi cara dan alat membaca dan menulis Braille dengan mengajarkan titik-titik Braille dan mesin Braille melalui *pocket frame* terlebih dahulu. GPI PK perlu memahirkannya dengan penggunaan peralatan pembelajaran Braille.

Di sini penulis mengkategorikan BBM yang boleh digunakan sepanjang proses pengajaran al-Quran Braille kepada tiga bentuk iaitu bahan bertuliskan, bahan maujud dan juga berbentuk elektronik. Bahan bercetak terdiri daripada al-Quran Braille, Iqra' Braille jilid 1-6, buku Kod Braille Wasilah al-Quran dan buku-buku Braille dalam bidang agama Islam. Bahan maujud pula adalah seperti *Swing Cells*, *Braille Board*, *Pocket Frame*, *Perkins Brailler*, *e-Braille Panel* dan *Embosser Printer*. Bagi bahan elektronik pula, terdapat perisian Duxbury Braille Translator (DBT) dan juga *Smart Hafaz* untuk 10 juzuk pertama al-Quran menggunakan teknik audio dengar dan ulang. Dengan adanya kebolehan dan kemahiran GPI PK dalam penggunaan BBM yang pelbagai, maka ini dapat memotivasikan MBK MaL agar berminat dengan mata pelajaran ini dan sekaligus dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan al-Quran.

iv. Membuat penilaian keberkesanannya PdP

Kemahiran memantau, mentaksir dan menilai keberkesanannya PdP perlu dilakukan oleh para guru secara berkala. Ia bertujuan untuk menambahbaik

mutu dan kualiti PdP dan juga meningkatkan pencapaian murid. Guru perlu mahir menyediakan perancangan PdP berdasarkan Sukatan Pelajaran dan takwim dengan mengambil kira perbezaan kebolehan, pengetahuan serta jangkaan pencapaian murid. Dengan adanya penilaian, maka guru dapat mengetahui tahap atau aras objektif yang sesuai untuk memulakan PdP berdasarkan kategori murid yang diajar (Moss, 2004; Prince, 2004). Setelah berlangsungnya PdP al-Quran Braille, maka GPI PK harus membuat satu penilaian yang teliti berkaitan tahap pengetahuan dan kemahiran sedia ada murid agar objektif PdP yang dirancang dapat mengimbangi pembangunan emosi murid. Penilaian ini penting untuk mengelakkan guru dan murid meletakkan harapan yang terlalu tinggi, kerana boleh jadi guru akan kecewa atau menyebabkan murid hilang minat dan tidak bermotivasi untuk mengikuti PdP dalam kelas. (Nor Jannah Hassan et.al. 2014)

#### v. Kemahiran mengurus bilik darjah

Pengurusan bilik darjah pula meliputi perihal pengurusan rutin bilik darjah, peralatan dan kemudahan fizikal dalam bilik darjah serta pelaksanaan aktiviti dalam bilik darjah. Ia juga melibatkan pengurusan hubungan kemanusiaan, masa, ruang, dan sumber untuk mencapai pembelajaran yang bermakna dan berkesan. Antara hasil kajian mengenai pengurusan bilik darjah oleh GPI PK sepanjang proses PdP al-Quran Braille oleh Ahmad Yunus (2016), beliau mendapati bahawa kelas pengajian di MBA Brickfields, Kuala Lumpur adalah tidak mencukupi bagi menampung jumlah pelajar. Ruangan kelas adalah sempit dan tidak dilengkapi dengan kemudahan bagi tujuan PdP. Beliau menyarankan agar kelas tersebut perlu dilengkapkan dengan komputer, skrin layar, LCD pemancar dan pembesar suara bagi merangsang deria pelajar dan menarik minat mereka.

Manakala Hamdi bin Ishak et.al (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa GPI PK yang sentiasa bergerak dari hadapan ke belakang atau dari kiri ke kanan semasa mengajar al-Quran Braille telah menyebabkan kesukaran kepada murid cacat pendengaran. Mereka tidak dapat fokus kerana tidak dapat melihat dengan jelas mimik muka guru dan isyarat tangan yang digunakan. Berdasarkan dua isu yang dinyatakan, maka wajarlah bagi GPI PK untuk memastikan bahawa bilik darjah yang digunakan sepanjang PdP adalah selesa dan memenuhi keperluan khas MBK MaL. Mereka sangat sensitif dengan gema dan bunyi dan disarankan agar guru memastikan suasana pembelajaran berlangsung dengan tenang dan tidak diganggu oleh faktor-faktor lain yang boleh mengundang kepada kebisingan. Di samping itu juga, GPI PK perlulah sentiasa berada dekat dengan murid agar tuturkata dapat didengar dengan baik dan jelas oleh mereka. Begitu juga

dengan sentuhan jari, GPI PK mesti membimbing murid dengan cara memegang tangan mereka untuk menyentuh titik-titik kod Braille semasa PdP sedang berlangsung. Ini adalah kerana variasi kedudukan dan pergerakan guru sangat penting dalam berkomunikasi dan menyampaikan pelajaran kepada murid dan keadaan ini akan menjadikan komunikasi antara guru dan murid berjalan dengan baik dan berkesan.

#### KESIMPULAN

GPI PK memainkan peranan yang sangat penting dalam Pengajaran al-Quran Braille kepada MBK MaL. Terdapat enam isu yang berkaitan dengan GPI PK al-Quran Braille yang telah dikenalpasti iaitu kekurangan guru al-Quran Braille, guru tiada asas kod Braille, tidak mahir dan tidak kuasai al-Quran Braille, kurang kuasai ilmu Pedagogi, tiada pengetahuan tentang ciri keperluan khas para murid dan bahan bantu mengajar al-Quran Braille yang terhad. Dengan ini, GPI PK disarankan agar meningkatkan penguasaan terhadap ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dengan merujuk kepada SGM sebagai kerangka dasar dalam meningkatkan kompetensi perguruan. Tiga belas kemahiran pedagogi yang mesti dimiliki oleh GPI PK ialah dengan melengkapkan diri dengan nilai-nilai murni, memupuk minat dan kecintaan terhadap profesion, menguasai pengetahuan tentang Pendidikan Islam, mengetahui latar belakang program sekolah PK, memiliki pengetahuan tentang ciri-ciri keperluan khas murid, mahir dalam kod braille (rumi, nombor, jawi braille), mempunyai asas al-Quran Braille dan juga kod Braille Wasilah Bacaan al-Quran. Di samping itu, GPI PK juga perlu mahir dalam melaksanakan PdP mengikut aras dan keperluan murid, tahu bagaimana untuk mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik PdP, mahir menggunakan bahan bantu mengajar (BBM), berupaya membuat penilaian keberkesanan PdP dan memiliki kemahiran dalam pengurusan bilik darjah. Profesionalisme keguruan akan dapat ditingkatkan sekiranya guru menguasai ilmu-ilmu tersebut dengan mantap dan ia seterusnya membantu para GPI PK agar dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Adalah diharapkan agar perkongsian kecil ini mampu memberi impak positif dan sumbangan akademik kepada GPI PK di Malaysia disamping untuk membantu para guru yang terlibat mengatasi isu dan cabaran semasa GPI PK ke arah memperkasakan aliran Pendidikan Khas dalam arus transformasi pendidikan negara.

#### RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan

Berteraskan Konsep al-Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1). Bangi: UKM.

Adel M. Abdulaziz, Ahamad Kamel Mohamad dan Mohamad Mustaqim Mohd Zarif (2006). *Panduan dan Bimbingan Guru al-Quran*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Ahmad Mohd Salleh (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Sakti Sdn. Bhd.

Ahmad Yunus Mohd Noor (2016). Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an Braille di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB). *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: UKM.

Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar (1987). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Rayyan.

Fatimah Nazihah Mohd Nazir, Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Latifah Abdul Majid (2016). Ciri-Ciri Keperluan Jawi Braille bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan di Malaysia. *Jurnal al-Turath*. Bangi: UKM.

Gargiulo, R. M. (2008). *Special Education in Contemporary Society An Introduction to Exceptionally*. 3rd Ed. London: SAGE Publications.

Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang, Bani Hidayat Mohd Shafiee, Nor Hayati Fatni Talib, Nabiroh Kassim (2010). Isu dan Cabaran Guru Dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. *Proceedings of the 4<sup>th</sup> International Conference on Teacher Education*. Tanjung Malim: UPSI

Hajarul Bahti Zakaria, Ab Halim Tamuri, Norshidah Mohd Salleh dan Mohd Huzairi Awang (2014). Student Attitudes towards Learning al-Quran Recitation and its Relationship with the Mastery of Reading the al-Quran among Visual Impaired Students in Malaysia. *International Conference on Economics, Education and Humanities Proceeding*. Indonesia: Bali.

Hamdi bin Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, Safani Bari (2012). Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah

Penglihatan). *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2). Bangi: UKM.

Harian Metro, 28 Jun 2016.

K.A. Razhiyah (2010). Menjadi Guru Pendidikan Khas. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Khadijah Abdul Razak dan Zaib Ngah (2002). Isu dan Cabaran Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam (KBSM). *Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.

Lowenfeld (1984),

Mohd Mokhtar Tahar dan Aliza Alias (2004). Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Pelajar Berkeperluan Khas. *Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.

Mohd Nur Adzam Rasdi (2012). *Application of Braille in Quranic and Sunnah Studies*. Slaid. Nilai: USIM.

Mok Soon Sang (2006). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI Sekolah Rendah: Komponen 1&2 (Psikologi Pendidikan & Pedagogi)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (2014). *Braille al-Quran: Sejarah dan Kaedah*. Nilai: Penerbit USIM.

Noornajihan Jaafar & Kauthar Abd Kadir (2008). Pengajaran al-Quran Braille di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya. *Prosiding Seminar Warisan al-Quran dan Hadis Nusantara*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Nor Jannah Hassan, Norshidah Mohamad Salleh dan Safani Bari (2014). Meningkatkan Kefahaman Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Penglihatan Melalui Pembelajaran Aktif. *Proceeding of The 4<sup>th</sup> International Conference on Learner Diversity*. Bangi: UKM.

Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, Noornajihan Jaafar, Ab Halim Tamuri, Norshidah Mohamad Salleh dan Hajarul Bahti Zakaria (2013). Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research* 3(4). Kuala Lumpur: UM.

Norhasnira Ibrahim, Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Noornajihan Jaafar, Norazman Alias, Norullisza Khosim, Norzulaili Mohd Ghazali (2014). Modul Pengajaran al-Quran Braille: Tinjauan Awal. *Tajdid in Qur'anic Studies*. Kuala Lumpur: UM.

Norhasnira Ibrahim, Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Noornajihan Jaafar, Norazman Alias, Norullisza Khosim, Norzulaili Mohd Ghazali dan Mat Fauzi Osman (2015). *Pengajaran al-Quran Braille*. Nilai: Penerbit USIM.

Rumiza Abdul Rahman (2010). *Pengajian al-Quran dalam Kalangan Ahli PERTIS di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu*. Kuala Lumpur: UM.

Sari Rudiyati (2010). Pembelajaran Membaca dan Menulis Braille Permulaan pada Anak Tunanetra. *Jurnal Asesmen dan Intervensi Anak Berkebutuhan Khusus Vol.9 No.1*. Bandung: UPI.

Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Ahmad Yunus Mohd Noor dan Siti Nur Azimah Sabaruddin (2015). Efforts to Elevate al-Quran Study among the Visually Impaired Group in Malaysia: Challenges and Proposals. *Mediterranean Journal of Social Sciences* Vol.6 No.6 S5. Rome-Italy.

Wood J.W. (2002). *Adapting Instructions to Accommodate Students in Inclusive Setting*. USA: Merrill Prentice Hall.

<http://cikgusuepkhas.blogspot.com>.

<http://prpm.dbp.gov.my>.

<http://www.freemalaysiatoday>.

<http://www.hmetro.com.my>.

<http://www.moe.gov.my>